

► TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT PEMBIAYAAN ASB KEMUDAHAN PINJAMAN BERTEMPOH DIJAMIN OLEH UNIT AMANAH SAHAM BUMIPUTERA UNITS (ASB)

1) UMUM

- a) Kemudahan adalah kemudahan pinjaman bertempoh untuk membiayai:
 - (i) pembelian bilangan Unit Amanah Saham Bumiputera (ASB) oleh pemohon utama daripada Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) seperti yang dinyatakan dalam Borang Permohonan ini atau sebarang bilangan Unit ASB lain yang berhak dibeli oleh pemohon utama seperti yang dinyatakan di dalam Borang Permohonan ini seperti yang ditentukan oleh ASNB, yang mana lebih rendah; dan
 - (ii) premium Group Amanah Saham Assurance (GASA) yang dinyatakan dalam Borang Permohonan ini atau maksimum lima peratus (5%) daripada jumlah Unit ASB yang dibeli, yang mana lebih rendah.
- b) Unit ASB adalah dalam bilangan sijil seperti yang ditentukan oleh ASNB dengan mengambil kira bilangan sijil yang diminta dan seperti yang dinyatakan dalam Borang Permohonan ini.
- c) Kemudahan hendaklah dijamin terhadap Unit ASB menurut jumlah dan bilangan sijil yang ditentukan oleh CIMB Bank Berhad ("**Bank**"). Tawaran anda untuk mengambil Kemudahan daripada Bank adalah tertakluk kepada Unit ASB dicagar kepada Bank.
- d) Kemudahan jika diberikan hendaklah tertakluk kepada Terma-terma dan Syarat-syarat di bawah.
- e) Istilah atau rujukan "anda" yang mana berkenaan bermakna salah seorang daripada peminjam, iaitu dalam hal di mana pembelian Unit ASB adalah dibeli dan dicagarkan dengan Bank oleh salah seorang daripada peminjam bersama.
- f) Istilah atau rujukan "Unit ASB" bermaksud Unit Amanah Saham Bumiputera atau Unit Amanah Saham Bumiputera 2, yang mana berkenaan, yang dibeli dan dibiayai oleh Bank mengikut permohonan anda dalam Borang Permohonan ini dan yang dicagarkan dengan Bank sebagai sekuriti.

2) FI DOKUMEN/CUKAI

- a) Fi dokumen yang tidak akan dikembalikan seperti yang dinyatakan dalam Lampiran perlu dibayar kepada Bank. Bank berhak untuk mendebit fi tersebut daripada akaun pinjaman anda apabila Kemudahan dikeluarkan.
- b) Anda adalah bertanggungjawab ke atas apa-apa cukai yang berhubungan dengan atau lanjutan daripada Kemudahan ini atau apa-apa perkhidmatan yang berhubungan dengannya.

3) KADAR FAEDAH

- a) Kadar Faedah seperti yang dinyatakan dalam Lampiran berkuatkuasa dari tarikh pelepasan pinjaman sehingga penjelasan penuh akaun. KA (Kadar Asas) semasa adalah seperti yang dinyatakan dalam Lampiran dan tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa yang Bank boleh memaklumkan kepada anda secara bertulis.
- b) Kadar faedah yang dikira atas dasar baki harian dan dimodalkan pada akhir setiap bulan kalendar adalah tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa oleh Bank.
- c) Kadar faedah yang dinyatakan dalam Lampiran hanya diguna pakai jika tiada keingkaran untuk membayar apa-apa ansuran bulanan yang kena dibayar.
- d) Sekiranya berlaku peristiwa keingkaran seperti yang dijelaskan dalam Klausula 16, Bank berhak untuk mengubah kadar faedah setelah memberikan notis terdahulu empat belas (14) hari kalendar kepada anda.

4) TEMPOH KETERSEDIAAN

- a) Bank boleh membatalkan Kemudahan setelah memberikan notis terdahulu tujuh (7) hari kalendar kepada anda sekiranya Kemudahan tidak dilepaskan dalam masa enam (6) bulan dari tarikh Bank menerima Borang Permohonan ini atas apa jua sebab termasuk tetapi tidak terhad kepada:
 - (i) jika kegagalan untuk melepaskan Kemudahan adalah disebabkan oleh ketidakpatuhan apa-apa syarat yang dibentangkan di dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini, melainkan jika syarat yang tidak dipenuhi tersebut adalah disebabkan oleh peninggalan yang disebabkan oleh keingkaran sengaja dan/atau kecuai oleh Bank.

5) SYARAT-SYARAT PELEPASAN

- a) Dana akan dilepaskan dalam satu pembayaran sekaligus secara terus kepada Amanah Saham Nasional Berhad bagi pembelian Unit Amanah Saham Bumiputera (ASB) yang dinyatakan dalam Borang Permohonan ini atau sebarang bilangan Unit ASB lain yang berhak dibeli oleh anda seperti yang ditentukan oleh ASNB, yang mana lebih rendah, tertakluk kepada syarat-syarat berikut dipenuhi :
 - (i) Bank telah menerima Borang Permohonan ini yang diterima dan ditandatangani sewajarnya oleh anda;
 - (ii) Penyata Pendedahan Risiko Pembiayaan Pinjaman Unit Amanah dan Surat Akuan & Pengesahan ASNB hendaklah ditandatangani terlebih dahulu dan diterima oleh Bank;
 - (iii) Jumlah perbezaan dalam jumlah pinjaman telah dibayar (jika ada);
 - (iv) Bank telah menerima sebarang polisi insurans yang dikehendaki oleh Bank, yang mana polisi insurans ini hendaklah menurut bentuk dan kandungan yang boleh diterima oleh Bank, daripada penanggung insurans yang boleh diterima oleh Bank;
 - (v) Bank telah menerima pengesahan daripada Amanah Saham Nasional Berhad tentang hak anda untuk membeli Unit ASB yang relevan;
 - (vi) Bank telah menerima keputusan carian yang memuaskan dan tiada indikasi negatif daripada CCRIS, FIS atau mana-mana agensi rujukan lain yang dianggap perlu oleh Bank; dan
 - (vii) Pemberian Kemudahan telah diluluskan oleh Bank.

6) SURAT MAKLUMAN

- a) Apabila Bank menerima permohonan anda untuk Kemudahan ini, Bank akan menghantar kepada anda melalui pos satu surat makluman ("**Surat Makluman**") yang menyatakan:
 - (i) jumlah kemudahan yang diberikan berdasarkan bilangan Unit ASB yang dinyatakan dalam Borang Permohonan ini atau sebarang bilangan Unit ASB lain yang berhak dibeli oleh anda seperti yang ditentukan oleh ASNB, yang mana lebih rendah;
 - (ii) premium insurans yang berkenaan yang perlu dibayar;
 - (iii) jumlah faedah yang dikenakan;
 - (iv) jumlah pembayaran balik;
 - (v) tempoh pinjaman;
 - (vi) butir-butir Unit ASB yang dicagar kepada Bank untuk menyokong Kemudahan;

- (vii) kadar faedah dan kadar asas yang diguna pakai untuk Kemudahan;
 - (viii) jumlah ansuran;
 - (ix) tarikh kuatkuasa jumlah ansuran;
 - (x) fi dan caj lain; dan
 - (xi) sebarang Terma-terma dan Syarat-syarat lain.
- b) Surat Makluman adalah notis cetakan komputer dan tidak memerlukan tandatangan tetapi adalah dianggap sebagai notis yang dikeluarkan oleh Bank.
- c) Anda dikehendaki memaklumkan Bank dengan serta-merta secara bertulis dalam masa empat belas (14) hari kalendar dari tarikh anda menerima atau dianggap menerima Surat Makluman daripada Bank dalam keadaan yang berikut, dan jika tidak anda akan dianggap telah menerima terma-terma dan syarat-syarat dalam Surat Makluman ini:
- (i) Sekiranya terdapat sebarang kesilapan atau ketinggalan dalam Surat Makluman; atau
 - (ii) Sekiranya anda tidak mahu meneruskan Kemudahan
- d) Sekiranya anda memaklumkan kepada Bank dalam masa empat belas (14) hari kalendar yang anda tidak mahu meneruskan Kemudahan, anda akan dianggap telah mengesahkan dan menerima Terma-terma dan Syarat-syarat yang dibentangkan dalam Surat Makluman ini.
- e) Sekiranya anda memaklumkan Bank secara bertulis bahawa anda tidak mahu meneruskan Kemudahan dalam tempoh empat belas (14) hari kalendar tersebut, anda akan terus bertanggungjawab bagi fi dokumen dan duti setem berkaitan dengan Kemudahan.

7) PEMBAYARAN BALIK DAN FAEDAH

- a) Kemudahan adalah tertakluk kepada semakan berkala dan perlu dibayar selepas 7 (tujuh) hari kalendar daripada tuntutan Bank terhadap pembayaran semula Kemudahan.
- b) (i) Ansuran pertama kena dibayar pada hari pertama bulan berikutnya selepas tarikh pelepasan penuh Kemudahan atau pada sebarang tarikh lain seperti yang boleh dimaklumkan oleh Bank kepada anda.
- (ii) Selepas itu ansuran kena dibayar pada atau sebelum hari pertama setiap bulan atau pada sebarang tarikh lain seperti yang boleh dimaklumkan oleh Bank kepada anda.
- (iii) Jumlah ansuran yang perlu dibayar adalah berdasarkan kadar faedah pada masa permulaan ansuran pertama.
- (iv) Jumlah ansuran ini adalah tertakluk kepada sebarang perubahan pada kadar faedah yang boleh dibuat oleh Bank di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat di dalam ini sepertimana yang akan dimaklumkan oleh Bank kepada anda secara bertulis.
- c) Sementara menunggu bermulanya ansuran pertama, anda hendaklah membayar faedah yang dikira atas dasar harian.

8) PEMBAYARAN LEWAT

- a) Sekiranya terdapat sebarang tunggakan dan/atau pembayaran lewat faedah dan/atau ansuran (jika berkenaan), faedah tambahan akan dikenakan pada kadar 1% setahun akan dikenakan terhadap pembayaran lewat tersebut.
- b) Faedah tambahan tersebut dikira atas dasar baki harian dan dicajkan ke akaun Kemudahan anda pada hari berikutnya selepas tarikh pembayaran.
- c) Bank akan memberikan notis bertulis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar terhadap sebarang perubahan ke atas kadar faedah bagi pembayaran lewat.

9) PERMODALAN FAEDAH

- a) Kecuali sebarang tempoh pembayaran faedah lain ditetapkan oleh Bank, anda hendaklah membayar faedah yang dikenakan setiap bulan.
- b) Sebarang faedah yang tidak dibayar akan menyebabkan faedah dimodalkan dan ditambah kepada jumlah prinsipal yang belum dijelaskan.

10) PENYELESAIAN AWAL/PENYELESAIAN SEBAHAGIAN

Penyelesaian Awal

- a) Anda berhak untuk memohon penyelesaian awal Kemudahan sepenuhnya atau menebus Kemudahan sepenuhnya dalam tempoh ("**Penyelesaian Awal**") dengan memberikan notis bertulis terlebih dahulu kepada Bank pada bila-bila masa.
- b) Penutupan akaun pinjaman anda oleh Bank, berikutan penyelesaian penuh Kemudahan anda pada tarikh yang ditentukan oleh Bank, selaras dengan notis anda untuk Penyelesaian Awal adalah tidak boleh dibatalkan.

Penyelesaian Sebahagian

- a) Anda boleh membayar sebahagian jumlah ("**Jumlah Penyelesaian Sebahagian**") pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dalam tempoh dengan memberikan notis bertulis terlebih dahulu kepada Bank.
- b) Jumlah Penyelesaian Sebahagian tersebut akan digunakan terus ke dalam akaun pinjaman anda untuk pengurangan jumlah prinsipal, tertakluk kepada penyelesaian yang berikut:
- (i) sebarang tunggakan, ansuran bulanan; dan
 - (ii) lain-lain caj tertunggak yang perlu dibayar oleh anda dan/atau oleh mana-mana penjamin dan/atau pihak lain yang telah memberikan cagaran bagi Kemudahan ini (setiap satu "Pihak Cagaran") kepada Bank sebelum digunakan terhadap pengurangan jumlah prinsipal dimana pengurangan tersebut akan menyebabkan penjimatan faedah.
- c) Pembayaran tersebut tidak akan membolehkan anda mengurangkan jumlah ansuran bulanan tetapi hanya kepada pengurangan bilangan ansuran bulanan dalam turutan kematangan songsang melainkan jika dipersetujui oleh Bank secara bertulis.
- d) Walau apa pun pembayaran Jumlah Penyelesaian Sebahagian dalam akaun Kemudahan anda, anda hendaklah meneruskan membayar ansuran bulanan dan semua jumlah lain yang tertunggak dan perlu dibayar.
- e) Untuk tujuan melaksanakan pembayaran bagi Jumlah Penyelesaian Sebahagian ini, anda harus meminta Bank untuk menggunakan pembayaran yang berkaitan yang ditenderkan secara khusus untuk pengurangan jumlah prinsipal, jikalau tidak Bank akan menganggap pembayaran tersebut sebagai bayaran pendahuluan. Dalam keadaan sedemikian, Bank akan menggunakan pembayaran tersebut untuk ansuran akan datang dalam turutan kematangan secara langsung apabila tiba masanya.

11) SYARAT-SYARAT KHAS

- a) Bank hanya akan membiayai premium insurans Group Amanah Saham Assurance (GASA) yang berkenaan sehingga maksimum lima peratus (5%) daripada jumlah kemudahan pinjaman bertempoh. Sebarang kekurangan terhadap premium Group Amanah Saham Assurance (GASA) hendaklah dibiayai sendiri dengan Sun Life Malaysia Assurance Berhad (jika berkenaan).
- b) Sekiranya Kemudahan ini ditarik balik, dibatal dan/atau digantung oleh Bank selaras dengan terma-terma dan syarat-syarat Kemudahan berikut:
- (i) perlindungan insurans GASA akan ditamatkan dengan serta-merta selepas Bank memberi notis kepada Sun Life Malaysia; dan
 - (ii) Bank diberi kuasa untuk menuntut nilai tunai berkenaan daripada Sun Life Malaysia untuk pembayaran jumlah tertunggak sebenar yang

belum dijelaskan di bawah Kemudahan ini.

12) FI GUAMAN DAN CAJ LAIN

- a) Semua kos dan perbelanjaan undang-undang dan sampingan berhubung dengan persediaan, penyiapan, pemulihan dan/atau penguatkuasaan Kemudahan dan/atau dokumen sekuriti termasuk fi guaman, duti setem (termasuk ad valorem dan duti dan cukai serupa lain dan apa-apa penalti) berkaitan dengan Kemudahan perlu dibayar oleh anda.
- b) Bank berhak mendebit semua fi dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Bank daripada akaun Kemudahan anda.
- c) Anda adalah bertanggungjawab ke atas apa-apa cukai (termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai dan perkhidmatan, cukai tidak langsung atau cukai pegangan) sebagaimana yang mungkin dikenakan oleh Kerajaan Malaysia dan sebarang cukai yang perlu dibayar yang berhubungan dengan atau berikutan daripada Kemudahan ini atau apa-apa perkhidmatan yang berhubungan dengannya. Anda akan menanggung rugi dan memelihara rugi Bank berkenaan dengan pembayaran cukai tersebut. Anda seterusnya memberi kuasa kepada Bank untuk menolak sebarang amaran yang dikehendaki untuk membayar cukai yang berkaitan daripada mana-mana akaun anda yang ada dengan pihak Bank.

13) UNIT ASB SEBAGAI CAGARAN

- a) Dengan menerima Kemudahan ini, anda dan/atau mana-mana pihak cagaran bersetuju untuk mencagarkan kepada Bank yang berikut melalui gadaian tetap pertama:
 - (i) Unit Amanah Saham Bumiputera anda dan/atau mana-mana pihak cagaran daripada Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) seperti yang dinyatakan dalam Borang Permohonan ini; atau
 - (ii) sebarang bilangan lain Unit Amanah Saham Bumiputera yang berhak dibeli oleh anda seperti yang ditetapkan oleh ASNB yang dibiayai oleh Bank ("**Unit ASB**"), sebagai cagaran berterusan bagi pembayaran balik, apabila dituntut, semua dan/atau sebarang liabiliti anda dengan Bank sama ada semasa atau terhutang selepas ini termasuk faedah dan semua caj lain sehingga tarikh pembayaran.
- b) Semasa Kemudahan berkuatkuasa dan sepanjang suatu tempoh selepas itu sehingga keseluruhan Kemudahan dijelaskan dengan sepenuhnya, Unit ASB tidak boleh ditarik balik atau diserahkan hak atau dipindahkan dan amanah tidak boleh diwujudkan terhadapnya dan apa-apa hak tidak boleh diwujudkan memihak kepada atau diberikan kepada mana-mana pihak.
- c) Bank boleh menghendaki anda dan/atau pihak cagaran melakukan apa-apa tindakan atau perkara atau menyempurnakan apa-apa borang atau dokumen, notis, pengindorsan bagi tujuan menyempurnakan gadaian Bank terhadap Unit ASB dan anda dan/atau pihak cagaran hendaklah bertindak/melakukan perkara yang dikehendaki dalam tempoh yang ditetapkan oleh Bank.
- d) Anda hendaklah pada semua masa tidak mengambil atau abai mengambil sebarang tindakan yang mana tindakan atau keabaiannya ini boleh menjejaskan dengan material atau dengan mudarat atau boleh mengurangkan nilai Unit ASB atau yang mungkin menyebabkan sebarang perubahan atau penjejasan Terma-terma dan Syarat-syarat ini atau sebarang hak yang diwujudkan di dalam ini.

14) CAGARAN BERTERUSAN

- a) Sebarang cagaran yang diambil oleh Bank atau diwujudkan di bawah ini adalah cagaran berterusan bagi pembayaran semua wang yang kini atau selepas ini terhutang oleh anda kepada Bank dan/atau setiap pihak cagaran dari semasa ke semasa, meskipun:
 - (i) anda atau mana-mana pihak cagaran tidak lagi berhutang kepada Bank untuk sebarang tempoh atau tempoh-tempoh;
 - (ii) mana-mana akaun anda dan/atau pihak cagaran dengan Bank atas sebarang sebab jua tidak lagi berkuatkuasa dan meskipun sebarang penyelesaian akaun atau sebaliknya;
 - (iii) sebarang perubahan melalui percantuman, penyatuan atau sebaliknya yang mungkin dibuat pada susunan mana-mana pihak cagaran (yang merupakan sebuah pertubuhan perbadanan) atau Bank; atau
 - (iv) kebangkrutan anda atau kebangkrutan/penggulungan mana-mana pihak cagaran, sama ada dengan sukarela atau paksa.

15) WAAD UNTUK MENYEDIAKAN CAGARAN LANJUT

- a) Sekiranya nilai sekuriti seperti yang dinyatakan dalam Klausa 13 mengalami susutnilai dan/atau terancam, anda hendaklah, jika dan apabila dikehendaki oleh Bank, menyempurnakan memihak kepada Bank atau seperti yang diarahkan oleh Bank sebarang instrumen undang-undang atau cagaran, bebanan atau perjanjian lain atau seperti yang mungkin dikehendaki oleh Bank terhadap mana-mana aset anda.
- b) Instrumen cagaran, bebanan atau perjanjian tersebut akan disediakan oleh atau bagi pihak Bank dengan kos dan perbelanjaan ditanggung oleh anda dan hendaklah mengandungi semua terma-terma dan syarat-syarat untuk manfaat Bank yang dikehendaki oleh Bank.

16) PERISTIWA KEINGKARAN DAN KEINGKARAN SILANG

- a) Bank berhak menarik balik, membatalkan, dan/atau menggantung Kemudahan apabila berlaku sebarang peristiwa keingkaran, yang mungkin termasuk peristiwa berikut:
 - (i) Kegagalan anda untuk membayar ansuran bulanan apabila kena dibayar (termasuk tetapi tidak terhad kepada tiada pembayaran faedah, faedah yang dimodalkan dan semua wang termasuk sebarang perbelanjaan yang terhutang dan kena dibayar kepada Bank) dan jumlah tersebut telah tertunggak selama 2 bulan, tidak kira sama ada tuntutan telah dibuat oleh Bank atau tidak;
 - (ii) Anda melakukan sebarang tindakan kebangkrutan atau apa-apa langkah dan/atau prosiding diambil untuk kebangkrutan terhadap anda;
 - (iii) Sekiranya mana-mana cagaran dan/atau jaminan yang disediakan kepada Bank menjadi tidak sah, tidak boleh dikuatkuasa atau tidak dapat disempurnakan;
 - (iv) Sebarang terma-terma dan/atau syarat-syarat Kemudahan dimungkirkan;
 - (v) Anda dan/atau mana-mana daripada anda (iaitu jika peminjam/pelanggan terdiri daripada lebih daripada satu orang) dan/atau mana-mana pihak yang memberikan cagaran untuk Kemudahan ("**Pihak Cagaran**") meninggal dunia atau menjadi tidak waras;
 - (vi) Sekiranya anda memberikan maklumat atau data yang tidak benar atau tidak tepat kepada Bank atau menyembunyikan apa-apa fakta yang boleh mempengaruhi keputusan Bank untuk memberikan Kemudahan;
 - (vii) Sekiranya apa-apa prosiding, guaman atau tindakan undang-undang dimulakan, diinstitusikan, diambil atau diancam terhadap anda dan/atau pihak cagaran dan Bank berpendapat bahawa ini boleh memudaratkan keupayaan anda dan/atau pihak cagaran untuk mematuhi atau melaksanakan kewajipan masing-masing di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini.
 - (viii) Sekiranya pada bila-bila masa, disebabkan oleh penetapan, kewarganegaraan, status kedudukan, status cukai atau apa-apa status yang relevan berkenaan dengan anda dan/atau pihak cagaran, pemberian atau dengan meneruskan dengan Kemudahan mungkin pada pendapat Bank adalah merupakan pengingkaran mana-mana undang-undang yang terpakai, peraturan, atau keperluan mana-mana pihak berkuasa awal selia (sama ada boleh dikuatkuasa atau tidak).
 - (ix) Sekiranya anda dan/atau pihak cagaran adalah tertakluk kepada atau terlibat dalam apa-apa penyiasatan, tindakan disiplin atau prosiding jenayah oleh mana-mana badan kawal selia atau perbadanan statut atau badan lain (sama ada boleh dikuatkuasa atau tidak).
 - (x) Sekiranya terdapat apa-apa perubahan yang material berkenaan kedudukan kewangan anda yang boleh memberi kesan kepada kebolehan anda untuk mematuhi obligasi-obligasi anda di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini.

- b) Anda juga akan dianggap ingkar sekiranya Kemudahan anda tertunggak atau mana-mana Terma-terma dan Syarat-syarat dalam pinjaman lain yang disediakan kepada anda oleh Bank dimungkiri.
- c) Bank memegang hak mutlak untuk menolak atau menarik balik Kemudahan yang diberikan kepada anda sekiranya terdapat petanda tentang perubahan pada kedudukan kredit anda dan keupayaan anda untuk memenuhi obligasi berdasarkan Terma-terma dan Syarat-syarat ini.
- d) Apabila berlaku sebarang peristiwa keingkaran yang dinyatakan di atas, Bank, setelah memberikan notis tujuh (7) hari kalendar kepada anda, berhak untuk menarik balik, membatalkan dan/atau menggantung Kemudahan.
- e) Anda dan/atau mana-mana daripada anda hendaklah selepas tujuh (7) hari kalendar daripada Bank memberikan notis bertulis tersebut kepada anda dan/atau mana-mana daripada anda:
 - (i) membayar balik semua jumlah yang belum dijelaskan di bawah Kemudahan; dan
 - (ii) Bank boleh melaksanakan semua hak dan remedinya di sisi undang-undang dan ekuiti, termasuk tetapi tidak terhad kepada memulakan tindakan undang-undang terhadap anda dan/atau pihak cagaran; dan
 - (iii) cagaran memihak kepada Bank akan menjadi dengan serta-merta boleh dikuatkuasa dan dilaksanakan oleh Bank.

17) PELUPUSAN UNIT ASB YANG DICAGAR KEPADA BANK

- a) Apabila berlakunya mana-mana peristiwa keingkaran seperti dinyatakan di sini atau anda mengingkari apa-apa obligasinya kepada Bank sama ada di bawah Kemudahan ini atau kemudahan dan/atau perjanjian lain dengan Bank, Bank berhak setelah memberikan notis tujuh (7) hari kalendar kepada anda, untuk melupuskan, menunaikan atau menjual Unit ASB yang dicagar kepada Bank, sebagaimana yang dianggapnya wajar melalui agennya yang dilantik atau mana-mana syarikat dalam kumpulan CIMB Group Holding Berhad, syarikat induk muktamad Bank.
- b) Hasil penjualan akan dikreditkan untuk menyelaraskan dan/atau menyelesaikan liabiliti anda dengan Bank. Apa-apa kekurangan dalam akaun hendaklah dijelaskan oleh anda.
- c) Di samping dan tanpa menjejaskan sebarang peruntukan di dalam ini, kuasa Bank termasuk (tetapi tidak terhad kepada) kuasa:-
 - (i) untuk mengambil milikan, memungut dan mengambil Unit ASB atau mana-mana bahagian daripadanya;
 - (ii) untuk menjual, bertukar, menukar menjadi wang atau melupuskan atau merealisasikan atau menyetujui penjualan, pertukaran, penukaran menjadi wang atau pelupusan atau realisasi atau menyetujui penjualan, pertukaran, penukaran menjadi wang atau pelupusan atau realisasi Unit ASB atau mana-mana bahagian daripadanya yang dianggap wajar oleh Bank sama ada melalui tawaran awam atau triti persendirian dan untuk sebarang balasan atau nilai dan berdasarkan sebarang terma yang boleh diputuskan oleh Bank;
 - (iii) untuk melaksanakan atau menyebabkan atau membenarkan pelaksanaan semua kuasa atau hak yang sampingan pada pemilikan Unit ASB atau mana-mana bahagian daripadanya;
 - (iii) untuk menjelaskan, menyalaras, mengkompromi dan mengatur sebarang tuntutan/penyelesaian, akaun, pertikaian, soalan dan tuntutan yang dalam apa cara jua berkait dengan Unit ASB atau mana-mana bahagian daripadanya;
 - (iv) untuk membawa, mendakwa, menguatkuasakan, membela dan/atau memberhentikan sebarang tindakan, guaman atau prosiding tentang apa-apa perkara atau terhadap mana-mana pihak yang berkaitan di sini seperti yang dianggap wajar dan perlu oleh Bank; dan
 - (vi) untuk melakukan semua tindakan dan/atau perkara yang mungkin perlu atau diingini atau suai manfaat untuk merealisasikan Unit ASB dan penjelasan penuh semua liabiliti yang kena dijelaskan kepada Bank.
- d) Anda hendaklah menanggung rugi Bank terhadap semua tindakan, kerugian, tuntutan, prosiding, kos dan liabiliti yang mungkin ditanggung oleh Bank (jika ada) untuk melaksanakan atau cuba melaksanakan sebarang hak, kuasa, remedi atau budi bicara yang diletak hak dengan Bank melainkan perkara-perkara ini timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecaian atau keingkaran sengaja pihak Bank.
- e) Apa-apa wang yang diterima berikutan mana-mana pelupusan sekuriti yang dicagari kepada Bank atau tindakan susulan oleh Bank boleh diletak dan ditahan di dalam akaun tanggungan untuk tujuan melepaskan obligasi anda berkenaan dengan liabiliti anda kepada Bank.
- f) Sekiranya terdapat kekurangan daripada hasil pelupusan/tindakan susulan dan wujudnya prosiding kebangkrutan atau seumpama dengannya, pencairan, komposisi atau perkiraan, Bank berhak untuk memasukkan bukti dan bersetuju untuk menerima dividen atau komposisi berkenaan dengan kekurangan tersebut.
- g) Bank (termasuk wakil dan sub-wakil) tidak akan bertanggungjawab dalam apa-apa keadaan pun jua atau atas sebarang sebab pun jua kepada anda atau kepada mana-mana pihak atas sebarang kerugian atau kerosakan atau penurunan harga/nilai akibat Bank merealisasikan keseluruhan atau sebahagian daripada Unit ASB atau berikutan sebarang keingkaran atau keabaian oleh Bank berhubung dengan Unit ASB atau ekoran Bank melaksanakan atau tidak melaksanakan sebarang kuasa atau budi bicara yang diletak hak kepada Bank.

18) PENYATA OLEH BANK ADALAH BUKTI KONKLUSIF

- a) Melainkan penipuan atau kesilapan yang ketara, penyata atau notis yang diberikan sekurang-kurangnya sekali setahun tentang jumlah baki dan liabiliti yang ditanggung atau kena dibayar kepada Bank atau tentang kadar faedah atau jumlah faedah yang perlu dibayar, adalah bukti konklusif bagi semua tujuan (termasuk tetapi tidak terhad kepada prosiding undang-undang).
- b) Penyata atau notis oleh pengurus atau mana-mana pegawai atau agen sah Bank buat masa itu atau notis yang dijana oleh komputer yang dikeluarkan oleh Bank yang tidak memerlukan tandatangan.

19) TOLAKAN/CAGARAN BAGI KEBERHUTANGAN MASA KINI DAN MASA HADAPAN

Pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa, Bank berhak, tanpa prejudis terhadap mana-mana remedi lain yang ia mungkin ada:-

- (a) menahan, menggabungkan atau menyatukan baki kredit dalam mana-mana akaun sedia ada (sama ada pelaburan, semasa, deposit atau apa jua jenisnya dan sama ada dalam Ringgit Malaysia atau sebarang mata wang asing) ("**Baki Kredit Agregat**") yang dipegang oleh anda atau mana-mana pihak cagaran di mana-mana cawangan Bank. Jika mana-mana baki kredit adalah dalam matawang selain dari Ringgit, Bank berhak menahan jumlah dalam matawang yang berkenaan yang merupakan anggaran munasabah bersamaan dengan Ringgit berdasarkan kadar spot pertukaran pada hari berkenaan bagi tujuan penahanan, penggabungan atau penyatuan baki kredit tersebut; dan
- (b) memberikan anda dan/atau pihak cagaran notis bertulis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar dan seterusnya mendebit, memindahkan dan/atau membuat tolakan Baki Kredit Agregat terhadap jumlah yang perlu dibayar di bawah Kemudahan. Jika mana-mana bahagian Baki Kredit Agregat adalah dalam matawang selain dari Ringgit, Bank akan menukar baki kredit tersebut kepada Ringgit pada kadar spot hari tersebut.

20) HAK UNTUK MELANTIK PIHAK KETIGA UNTUK MEMUNGUT JUMLAH TERTUNGGAK DAN MELAWAT

- a) Jika sebarang wang yang perlu dibayar di bawah Kemudahan perlu didapatkan kembali daripada anda, Bank merizab hak untuk melantik agensi luar yang dipilih oleh Bank menurut budi bicaranya untuk memungut jumlah tertunggak tersebut, dengan memberikan notis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar kepada anda.
- b) Anda bertanggungjawab bagi fi pungutan jumlah tertunggak, fi penilaian, fi jurulelong, fi professional lain dan semua caj dan kos lain yang ditanggung berkaitan dengan langkah mendapatkan balik wang tersebut dan/atau penguatkuasaanya.
- c) Jika apa-apa wang adalah kena dibayar di bawah Kemudahan, anda bersetuju bahawa Bank berhak melawat anda di tempat kerja anda sekiranya anda tidak memberikan maklum balas kepada cara komunikasi lain oleh Bank dan tidak boleh dihubungi di mana-mana lokasi lain.

21) PEMINDAHAN/PENJUALAN/PENYERAHAN HAK

- a) Bank berhak pada bila-bila masa untuk memindahkan, menjual atau menyerahkan hak semua atau mana-mana bahagian hak, hakmilik, kepentingan, manfaat dan obligasinya, di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat di dalam ini, dan/atau sebarang cagaran yang disediakan di dalam ini untuk menyokong Kemudahan kepada mana-mana pihak lain dengan memberikan notis tujuh (7) hari kalendar terdahulu.
- b) Anda tidak boleh memindahkan atau menyerahkan mana-mana hak, manfaat dan obligasi anda di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini dan/atau sebarang dokumen cagaran tanpa kebenaran bertulis terdahulu daripada Bank dan sebarang penyerahan hak yang dikatakan tanpa kebenaran sedemikian adalah batal dan tidak sah.

22) NOTIS

- a) Sebarang notis yang perlu diberikan kepada Bank (i) mesti secara bertulis; (ii) ditandatangani oleh anda; dan (iii) akan hanya berkuatkuasa setelah Bank menerimanya sebagaimana dibuktikan dengan pengesahan penerimaan oleh Bank.
- b) Notis dan komunikasi lain kepada anda akan dihantar ke alamat terakhir anda yang diketahui atau nombor yang disimpan dalam rekod Bank dan akan dianggap diterima oleh dan dihantar kepada anda:
 - (i) jika dihantar melalui pos, pada hari ketujuh selepas penghantaran;
 - (ii) jika dihantar secara persendirian, pada masa penghantaran;
 - (iii) jika melalui kurier, apabila anda mengesah penerimaan di atas nota konsainan kurier;
 - (iv) jika melalui apa-apa komunikasi serta merta (termasuk e-mel, perkhidmatan pesanan ringkas (sms) dan perakam suara), dengan serta merta.
- c) Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk memastikan bahawa apa-apa notis yang dihantar kepada anda dengan mana-mana cara seperti tersebut di atas tidak dibaca atau diperolehi oleh mana-mana pihak ketiga. Bank tidak bertanggungjawab dalam apa cara ke atas apa-apa keaiban atau apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami disebabkan oleh pembacaan atau perolehan notis oleh pihak ketiga.
- d) Anda hendaklah memaklumkan Bank jika terdapat pertukaran terhadap butiran anda atau mana-mana pihak cagaran:
 - (i) alamat surat-menyurat;
 - (ii) nombor-nombor telefon;
 - (iii) alamat-alamat e-mel; dan/atau
 - (iv) butiran-butiran lain yang direkod dengan Bank(secara bersama "**Butiran Peribadi**") melalui saluran-saluran yang dibenarkan oleh Bank bagi memastikan semua komunikasi diterima anda dan pihak cagaran di dalam masa yang berpatutan.

23) OBLIGASI PEMBAYARAN BEBAS

Anda dengan ini secara nyata bersetuju dan mengisytiharkan bahawa setiap satu obligasi anda untuk membayar di bawah mana-mana Terma-terma dan Syarat-syarat di dalam ini, atau jika sesuai, mana-mana dokumen cagaran merangkumi:

- (a) obligasi yang berasingan dan bebas,
- (b) akan membangkitkan kuasa tindakan yang berasingan dan bebas,
- (c) akan diguna pakai meskipun sebarang penepian atau kelonggaran yang diberikan oleh Bank berhubung dengan sebarang obligasi lain,
- (d) akan terus berkuatkuasa dan berkesan sepenuhnya meskipun sebarang penghakiman, perintah, tuntutan atau bukti bagi jumlah yang ditetapkan terhadap obligasi lain dan boleh disandarkan dan dikuatkuasa oleh Bank secara berasingan atau serentak atau tanpa perlu memulakan sebarang tindakan lain di bawah obligasi tersebut atau di bawah mana-mana dokumen cagaran atau terlebih dahulu melaksanakan sebarang remedi atau terlebih dahulu membuat tolakan, menjual atau melupuskan sebarang aset atau Unit ASB, harta atau perusahaan yang mungkin disediakan sebagai cagaran kepada Bank dari semasa ke semasa.

24) INDEMNITI

- a) Anda hendaklah pada setiap masa menanggung rugi dan terus menanggung rugi Bank termasuk agen-agennya, pekerjaannya atau wakil-wakilnya terhadap apa-apa tindakan, prosiding tuntutan, perbelanjaan, kerugian, kerosakan atau liabiliti (di mana jumlahnya seperti ditetapkan oleh Bank adalah konklusif dan terikat kepada anda melainkan ianya adalah kesilapan nyata) yang mungkin ditanggung oleh Bank akibat daripada mana-mana Peristiwa Keingkaran atau berhubung dengan Terma-terma dan Syarat-syarat atau dokumen berkaitan lain melainkan perbelanjaan, kerugian, kerosakan atau liabiliti tersebut adalah akibat daripada keingkaran yang sengaja, kecuai atau penipuan oleh Bank.
- b) Apa-apa penyata yang dikeluarkan oleh Bank berhubung dengan perkara di atas adalah konklusif melainkan kesilapan nyata.
- c) Tanpa menjejaskan apa-apa di sini, tanggungan rugi akan merangkumi apa-apa perbelanjaan, fi (termasuk fi guaman atas dasar peguamcara dan anakguam) atau apa-apa jumlah lain yang dibayar atau kena dibayar berhubung dengan tindakan pelaksanaan mana-mana hak Bank di bawah Terma dan Syarat.

25) AKUJANJI

- a) Jika Bank dikehendaki memberikan akujanji kepada mana-mana pihak untuk tujuan Kemudahan ini, anda dan/atau pihak cagaran dengan tak boleh batal dan dengan tidak bersyarat memberi kuasa kepada Bank untuk mengeluarkan akujanji pada bila-bila masa dan dalam sebarang cara untuk sebarang jumlah dan berdasarkan sebarang kontigensi dan syarat yang dianggap wajar oleh Bank.
- b) Bank juga mempunyai kuasa untuk membuat pembayaran di bawah Kemudahan secara terus kepada orang tersebut selaras dengan akujanji tersebut.
- c) Bank hendaklah pada semua masa berhak membuat sebarang pembayaran dan/atau memenuhi sebarang obligasi yang dikenakan di bawah akujanji sedemikian tanpa siasatan atau pertanyaan.
- d) Anda dan/atau pihak cagaran tidak akan menghalang atau menuntut agar Bank menahan sebarang pembayaran atau menahan diri daripada melaksanakan sebarang obligasi yang dikehendaki selaras dengan akujanji tersebut.
- e) Meskipun peruntukan di dalam ini, Bank mempunyai budi bicara tunggal untuk mengubah, meminda, membatalkan, menarik balik, menggantikan, menggantung dan/atau memohon pelepasan akujanji tersebut tanpa menjejaskan obligasi anda dan/atau pihak cagaran kepada Bank.

26) PERUBAHAN UNDANG-UNDANG

Jika terdapat sebarang perubahan pada undang-undang, peraturan atau triti atau penafsiran atau penerapannya oleh mana-mana pihak berkuasa atau agensi yang dipertanggungjawabkan dengan pentadbirannya atau oleh mana-mana mahkamah yang menjadikannya menyalahi undang-undang untuk Bank melaksanakan obligasi Bank di bawah Kemudahan, Bank boleh, melalui notis bertulis, mengisytiharkan bahawa obligasi tersebut akan ditamatkan pada hari terakhir yang dibenarkan oleh undang-undang peraturan atau triti berkenaan.

27) PENDEDAHAN

- a) Tertakluk kepada peruntukan di bawah yang (i) melarang pendedahan maklumat kepada Syarikat-syarikat Kumpulan jika dibantah oleh anda; dan (ii) menghendaki kebenaran nyata anda bagi pendedahan maklumat kepada pihak ketiga bagi tujuan yang dinyatakan, anda dengan ini bersetuju dan memberi kuasa kepada Bank untuk mendedahkan sebarang maklumat berkaitan dengan atau terkandung dalam Borang Permohonan, Terma-terma dan Syarat-syarat ini, Kemudahan, anda dan/atau hal ehwal atau akaun anda termasuk tetapi tidak terhad kepada butir-butir Kemudahan, sebarang cagaran yang diberikan, transaksi yang dilaksanakan dan/atau baki dan/atau kedudukan dengan Bank:
- (i) kepada agen, penyedia perkhidmatan, juruaudit, peguam, penasihat professional Bank yang lain, Amanah Saham Nasional Berhad dan kepada mana-mana orang di dalam atau di luar Malaysia yang menyediakan cagaran atau jaminan dan/atau adalah pihak pada sebarang perjanjian yang merangkum atau membantuk asas cagaran atau jaminan tersebut;
 - (ii) kepada Biro Kredit Pusat, Biro Maklumat Cek atau pihak berkuasa relevan lain yang mana Bank dikehendaki membuat pendedahan kepada Biro atau pihak berkuasa tersebut dan/atau kepada mana-mana pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa terhadap Bank;
 - (iii) mana-mana agensi pelaporan yang didaftarkan di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010 dan bagi mana-mana agensi pelaporan kredit untuk mendedahkan maklumat kredit anda kepada pelanggannya untuk tujuan pengesanan penipuan dan pencegahan penipuan;
 - (iv) kepada mana-mana syarikat insurans, perunding insurans dan/atau syarikat insurans dimana anda memohon atau mengambil mana-mana polisi insurans berkaitan dengan kemudahan;
 - (v) kepada syarikat-syarikat yang kini atau mungkin di masa hadapan menjadi syarikat dalam kumpulan CIMB Group Holdings Berhad, syarikat induk muktamad Bank ("**Syarikat-syarikat Kumpulan**") sama ada Syarikat-syarikat Kumpulan tersebut menetap, menjalankan perniagaan, diperbadankan atau ditubuhkan di dalam atau di luar Malaysia;
 - (vi) mana-mana orang atau entiti sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang atau peraturan selaras dengan sepina atau perintah mahkamah, sama ada di dalam atau di luar Malaysia;
- untuk memudahkan perniagaan, operasi, kemudahan dan perkhidmatan oleh atau yang diberikan atau disediakan oleh Bank dan/atau Syarikat-syarikat Kumpulan kepada pelanggan mereka atau seperti yang dikehendaki di bawah undang-undang atau selaras dengan sebarang sepina atau perintah mahkamah.
- b) Pendedahan kepada Syarikat-syarikat Kumpulan adalah bagi tujuan memudahkan operasi, perniagaan, penjualan silang dan tujuan lain Bank dan/atau Syarikat-syarikat Kumpulan dengan syarat sentiasa bahawa pendedahan bagi tujuan penjualan silang tidak akan dilakukan jika pendedahan tersebut dibantah oleh anda dengan menghubungi Bank di nombor telefon atau alamat berikut (yang boleh diubah oleh Bank dari semasa ke semasa dengan memberikan notis kepada anda): Customer Resolution Unit (CRU), P.O Box 10338 GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan. Tel : +603 6204 7788 E-mail : cru@cimb.com
- c) Selanjutnya, jika Bank bercadang untuk berkongsi maklumat anda (tidak termasuk maklumat berkaitan dengan hal ehwal atau akaun anda) dengan pihak ketiga bagi tujuan perikatan strategik, pemasaran dan promosi, Bank akan memastikan bahawa kebenaran anda diperolehi.
- d) Anda dengan ini secara nyata mengesahkan bahawa Bank, pegawai dan agennya tidak akan dikenakan sebarang liabiliti dalam apa jua keadaan kerana memberikan maklumat tersebut sama ada disebabkan salah nyata, kesilapan, keabaihan, kelewatan atau apa-apa perkara berhubung dengannya jua dan sama ada sebelum pada atau selepas tarikh yang dinyatakan dalam Borang Permohonan melainkan perkara-perkara ini timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaihan atau keingkarannya sengaja pihak Bank.

28) KEPATUHAN DENGAN UNDANG-UNDANG/KEPERLUAN KAWAL SELIA/AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013

- (a) Kemudahan disediakan kepada Pemohon dengan syarat ketersediaan Kemudahan atau penyediaan Kemudahan berterusan kepada Pemohon tidak melanggar, sama ada secara langsung atau tidak langsung, mana-mana undang-undang terpakai, undang-undang kecil atau keperluan kawal selia pihak berkuasa, arahan atau perintah yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan/atau mana-mana badan yang mempunyai kuasa atau bidang kuasa ke atas Bank atau sebagaimana dipinda dari semasa ke semasa ("**Undang-Undang Terpakai**") yang merangkumi:
- (i) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Garis Panduan Transaksi Kredit dan Pendedahan kepada Pihak-Pihak Berkaitan dan semua aris panduan dan arahan BNM;
 - (ii) Apa-apa had pembiayaan atau sekatan yang boleh dikenakan ke atas Bank dari semasa ke semasa oleh BNM atau mana-mana badan kuasa kerajaan dan/atau kawal selia; dan
 - (iii) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001
- (b) Anda hendaklah dengan serta-merta memaklumkan Bank secara bertulis jika anda menyedari apa-apa pelanggaran atau ketidakpatuhan mana-mana Undang-undang dan Peraturan yang Diguna Pakai atau mana-mana Terma-terma dan Syarat-syarat.
- (c) Anda akan dianggap memberi representasi dan menjamin bahawa maklumat yang anda berikan dalam permohonan Kemudahan adalah benar, tepat dan penuh.

29) FASAL PRIVASI

- a) Anda dengan ini mengesahkan bahawa anda telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi Kumpulan CIMB (yang boleh didapati di www.cimb.com.my) dan fasal-fasal di dalam ini, yang berkaitan dengan pemrosesan maklumat peribadi anda. Bagi mengelakkan keraguan, anda bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut hendaklah disifatkan sebagai terkandung di dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini secara rujukan.
- b) Sekiranya anda memberikan maklumat peribadi dan kewangan yang berkaitan dengan pihak ketiga, termasuk maklumat yang berkaitan dengan waris seterusnya dan tanggungan, untuk tujuan membuka atau mengendalikan akaun/kemudahan anda dengan Bank atau sebaliknya melanggan produk dan perkhidmatan Bank, anda (a) mengesahkan bahawa anda telah mendapatkan persetujuan mereka atau sebaliknya berhak untuk memberikan maklumat ini kepada Bank dan untuk Bank menggunakannya mengikut perjanjian ini; (b) bersetuju untuk memastikan bahawa maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga tersebut adalah tepat; (c) bersetuju untuk memberi kemas kini kepada Bank secara bertulis sekiranya ada apa-apa perubahan yang material kepada maklumat peribadi dan kewangan tersebut; dan (d) bersetuju akan hak Bank untuk menamatkan Kemudahan/Perjanjian ini, sekiranya persetujuan dari mana mana pihak ketiga tersebut ditarik balik.
- c) (i) Di mana anda mengarahkan Bank untuk melaksanakan sebarang bentuk transaksi rentas sempadan (termasuk untuk membuat atau menerima pembayaran), butiran yang berkenaan dengan transaksi merentas sempadan tersebut (termasuk maklumat yang berkaitan dengan sesiapa yang terlibat di dalam urusan tersebut) boleh diterima dari atau dihantar ke luar negara, di mana ia mungkin boleh diakses (sama ada secara langsung atau tidak langsung) oleh pengawal selia dan pihak berkuasa luar negara berkaitan dengan kewajibannya yang sah (contohnya, pencegahan jenayah).
- (ii) Dalam mengarahkan Bank dan/atau ejen-ejen Bank untuk memasuki apa-apa transaksi rentas sempadan bagi pihak anda, anda bersetuju akan pendedahan tersebut di atas bagi pihak diri sendiri dan orang lain yang terlibat dalam urusan niaga rentas sempadan tersebut.
- d) (i) Bank boleh pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa sekarang dan/atau di masa hadapan menjalankan pemeriksaan rujukan yang perlu termasuk tetapi tidak terhad kepada semakan laporan/rujukan kredit dengan agensi pelaporan/rujukan kredit, termasuk tetapi tidak terhad kepada CCRIS, FIS dan/ atau mana-mana agensi-agensi lain dan/atau dari mana-mana institusi kewangan bagi membolehkan Bank memastikan status anda sebagaimana yang dikehendaki untuk membantu membuat keputusan, contohnya apabila Bank perlu:
- (1) memeriksa butiran mengenai permohonan kredit, berkaitan dengan kredit atau permohonan kemudahan lain;
 - (2) menguruskan akaun atau kemudahan kredit dan berkaitan dengan kredit, termasuk menjalankan semakan portfolio-portfolio anda;

mendapatkan semula hutang; dan/atau apa-apa tujuan yang berkaitan dengan atau berhubung dengan akaun/kemudahan di bawah perjanjian ini.

- (ii) Anda akan dihubungkan oleh agensi pelaporan/rujukan kredit kepada mana-mana nama lain yang anda gunakan atau telah gunakan, dan mana-mana pemohon bersama dan berasingan.
- (iii) Bank juga boleh berkongsi maklumat tentang anda dan bagaimana anda menguruskan akaun/kemudahan anda dengan agensi pelaporan/rujukan kredit yang berkenaan.
- e) Selepas anda memberi maklumat anda kepada Bank, anda masih mempunyai pilihan untuk menarik balik kebenaran yang diberikan sebelum ini. Dalam keadaan itu, Bank mempunyai hak untuk tidak memberi atau memberhentikan penyediaan mana-mana produk, perkhidmatan, akaun dan/atau kemudahan yang berhubung dengan maklumat tersebut dengan memberi notis terdahulu sekurang-kurangnya tiga (3) hari bekerja.
- f) Bank berhak untuk meminda fasal ini dari semasa ke semasa mengikut budi bicara mutlak Bank dan akan memberi notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar secara bertulis kepada anda dan meletakkan pindaan tersebut di dalam laman web dan/atau meletak notis-notis di dewan perbankan atau di tempat-tempat yang bersesuaian di dalam cawangan-cawangan Bank.
- g) Untuk tujuan fasal ini, Kumpulan CIMB terdiri daripada CIMB Group Holdings Berhad dan semua syarikat-syarikat yang berkaitan dengannya sebagaimana yang ditakrifkan di dalam Seksyen 6, Akta Syarikat 1965 dan syarikat-syarikat dikawal bersama yang menyediakan perkhidmatan kewangan dan perkhidmatan lain yang dikawal selia, yang tidak termasuk syarikat, cawangan, pejabat dan bentuk kehadiran lain yang beroperasi di luar Malaysia, dan penggunaan perkataan "Bank" hendaklah dibaca sebagai merujuk kepada Kumpulan CIMB.
- h) Anda seterusnya bersetuju bahawa Bank tidak akan dalam apa jua keadaan bertanggungjawab terhadap sebarang tuntutan, kerugian, kerosakan (kewangan dan sebaliknya), kecederaan, malu atau liabiliti yang timbul sama ada dalam kontrak, tort, kecuaihan, liabiliti ketat atau apa-apa asas (termasuk kerosakan secara langsung atau tidak langsung, khas, sampingan, turutan atau punitif atau kehilangan keuntungan atau simpanan) yang timbul daripada sebarang ketidaktepatan atau kerugian, pembatalan atau pengubahsuaian data atau untuk sebab-sebab lain berkaitan dengan maklumat yang dikemukakan oleh Bank kepada agensi pelaporan/rujukan kredit tersebut dan/atau mana-mana pihak lain, mengikut keadaan, atau berhubung dengan mana-mana akses atau penggunaan, atau ketidakupayaan untuk mengakses atau digunakan oleh agensi pelaporan/rujukan kredit dan/atau mana-mana pihak atau pergantungan lain terhadap maklumat yang terkandung di dalamnya, sama ada disebabkan oleh mana-mana, kegagalan teknikal, perkakasan atau perisian dalam apa jua bentuk, gangguan, kesilapan, ketinggalan, kelewatan, virus atau bagaimana jua pun sebaliknya melainkan perkara-perkara ini disebabkan secara langsung oleh kecuaihan atau keingkaran sengaja pihak Bank.
- i) Fasal ini adalah tanpa prejudis kepada fasal-fasal lain di dalam Perjanjian ini yang berkaitan dengan pendedahan maklumat.

30) NOTIS PENTING

- a) Bank berhak untuk menarik balik dan/atau membatalkan Kemudahan dengan memberikan anda notis terdahulu tujuh (7) hari kalendar, jika Bank mendapat tahu sebarang maklumat yang boleh menjejaskan keputusan Bank untuk menyediakan Kemudahan, atau jika Bank mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa sebarang maklumat yang dibekalkan kepada Bank adalah palsu, tidak benar atau memperdaya.
- (i) Terma-terma dan Syarat-syarat Kemudahan adalah tertakluk kepada semakan berkala oleh Bank dan Bank mempunyai budi bicara mutlak untuk mengubah (sama ada dengan menambah, memotong, memodifikasi, meminda atau sebaliknya walau bagaimanapun jua) ("Pindaan") sebarang Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa dengan memberikan anda notis terdahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar.
- (ii) Makluman kepada anda tentang Pindaan tersebut akan dibuat oleh Bank melalui salah satu cara komunikasi berikut di mana peruntukan terperinci mengenai Pindaan itu boleh diberikan dalam notis itu sendiri atau mungkin diberikan kepada anda atas permintaan:
 - (1) melalui pos biasa ke alamat terakhir anda yang diketahui; atau
 - (2) dengan menampal notis mengenai Pindaan di setiap cawangan Bank; atau
 - (3) laman web Bank; atau
 - (4) dengan menyiarkan iklan mengenai Pindaan dalam satu akhbar pilihan Bank; atau
 - (5) melalui surat elektronik; atau
 - (6) melalui sebarang cara notis lain yang boleh dipilih oleh Bank;dan Pindaan akan dianggap sebagai mengikat anda dari tarikh makluman Pindaan atau dari sebarang tarikh lain yang boleh ditetapkan oleh Bank dalam makluman itu.
- b) Jika terdapat perubahan dalam profil risiko anda semasa dalam Tempoh, Bank berhak untuk mengubah kadar faedah, komisyen, dan/atau sebarang caj lain dengan memberikan notis terdahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar kepada anda.
- c) Jika dikehendaki oleh Bank, anda hendaklah mendaftarkan apa-apa cagaran yang disediakan kepada Bank, dengan mana-mana pejabat pendaftaran yang dianggap perlu atau sesuai oleh Bank.
- d) Jika dikehendaki oleh Bank, anda hendaklah dengan serta-merta memberikan sebarang akujanji, pengesahan, tanggung rugi, pendapat, pemberikuasaan, kelulusan, kebenaran, jaminan, dan/atau sebarang dokumen lain yang boleh ditetapkan oleh Bank menurut budi bicaranya, dan semuanya hendaklah dalam bentuk dan menurut kandungan yang boleh diterima oleh Bank.
- e) Jika pada bila-bila masa sebarang peruntukan di dalam ini adalah atau menjadi tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan dalam apa jua segi, peruntukan tersebut adalah tidak berkesan setakat yang perlu tanpa menjejaskan kesahan atau kebolehuatkuasaan peruntukan selainnya di dalam ini.
- f) Masa menjadi asas di dalam ini tetapi kegagalan Bank untuk melaksanakan atau kelewatan untuk melaksanakan atau menguatkuasakan hak, kuasa, kelebihan atau remedies terhadap anda atau mana-mana pihak yang menyediakan sebarang bentuk cagaran atau jaminan kepada Bank tidak akan beroperasi sebagai penepiannya dan begitu juga sebarang pelaksanaan sebahagian daripada apa-apa hak, kuasa, kelebihan atau remedi, atau memudaratkan atau menjejaskan hak Bank untuk bertindak benar-benar selaras dengannya selepas itu.
- g) Terma-terma dan Syarat-syarat ini hendaklah mengikat anda, waris, harta pusaka dan wakil diri anda dan pengganti hakmilik dan pemegang serah hak Bank.
- h) Terma-terma dan Syarat-syarat di dalam ini hendaklah tertakluk kepada, dikawal oleh dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan anda dengan ini berserah kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.

31) PENGENDALIAN ADUAN

Sekiranya terdapat sebarang aduan berkaitan dengan apa-apa perkara di dalam ini, anda boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan Bank di alamat, nombor telefon dan e-mel berikut (atau di mana-mana alamat, nombor telefon dan e-mel yang boleh diubah oleh Bank) dengan memberikan notis yang cukup kepada anda:

Address : Unit Resolusi Pelanggan (CRU),
Peti Surat 10338 Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur,
50710 Wilayah Persekutuan.
Tel No. : +603 6204 7788
E-mail : cru@cimb.com